

<b>Headline</b>	TNB digesa beri rebat khas kurangkan beban rakyat		
<b>MediaTitle</b>	Utusan Malaysia		
<b>Date</b>	23 Apr 2016	<b>Language</b>	Malay
<b>Circulation</b>	171,663	<b>Readership</b>	563,000
<b>Section</b>	Dlm Negeri	<b>Page No</b>	9
<b>ArticleSize</b>	126 cm <sup>2</sup>	<b>Journalist</b>	N/A
<b>PR Value</b>	RM 7,471		



TNB digesa beri rebat khas kurangkan beban rakyat

**KUALA LUMPUR** 22 April - Pergerakan Pemuda UMNO mendesak Tenaga Nasional Berhad (TNB) supaya menawarkan rebat khas bersifat *one off* setiap bulan bagi mengurangkan beban rakyat sepanjang fenomena El Nino.

Naib Ketuaanya, Khairul Azwan Harun berkata, TNB tidak sepatutnya mengambil kesempatan mengaut keuntungan berlebihan ekoran cuaca panas terik yang di-deritai rakyat ketika ini.

"Pemuda UMNO prihatin dengan keperitan rakyat akibat fenomena El Nino yang melanda negara ketika ini sehingga mengakibatkan sebilangan sekolah ditutup ekoran cuaca panas yang melampau.

"Sudah pastinya rakyat akan menggunakan tenaga elektrik lebih daripada kebiasaan bagi perkakas elektrik seperti pendingin hawa, kipas serta peti sejuk," katanya dalam ke-

nyataan di sini hari ini.

Menurut beliau, sebarang cadasan mengenai penjimatan penggunaan tenaga elektrik adalah tidak sesuai kerana keperluannya sangat mendesak.

Beliau berkata, hanya dengan kaedah rebat khas itu dapat menjaga kepentingan dan memberi keadilan kepada rakyat, namun pihak TNB perlu memperhalusi formula dan kaedah pemberiannya.



KHAIRUL AZWAN HARUN

A photograph of a newspaper clipping from Utusan Malaysia. The main headline reads "Bil naik mendadak" (Price increases suddenly) in large, bold letters. Below it, a sub-headline says "Pengguna dakwa TNB kenakan caj tersembunyi" (Consumers accuse TNB of secretly adding fees). The article discusses how TNB has increased its electricity rates by 8.4% without notice, and consumers are demanding an explanation. The clipping includes several smaller sub-headlines and some text snippets.